

ASIAH memotong majalah lama untuk menghasilkan gelang tangan.



**BARANGAJ KITAR SEMULA DIHASILKAN**



ASIAH (kanan) dan Anis Syazwani menunjukkan produk yang dihasilkan daripada barang terpakai.

**Rezeki pendapatan 'gubah' sampah**

**Pangkor:** Menggunakan konsep sampah kepada sumber pendapatan dengan mengubah barangan terbuang menjadi pelbagai produk kraftangan kreatif antara inisiatif penduduk Pulau Pangkor, di sini, bagi menyahut kempen kitar semula.

Langkah diambil itu bukan hanya mampu meningkatkan kesedaran dalam menjaga alam sekitar, tetapi mampu menjana ekonomi masyarakat setempat.

Pengusaha kraftangan, Asiah Md Amin, 55, berkata, bahan terbuang mempunyai nilai tersendiri dan dengan kreativiti ia mampu menjadi lebih menarik daripada bentuk asal serta boleh dijadikan sumber pendapatan yang lumayan.

Menurutnya, mentaliti masyarakat perlu diubah dalam pengurusan sisa pepejal kerana sampah yang dibuang itu akan mendatangkan impak negatif kepada komuniti dan kawasan persekitaran.

"Sampah atau barangan terbuang seperti majalah, surat khabar, plastik, botol dan sebagainya boleh digunakan semula untuk menghasilkan pelbagai

barang kraftangan yang cantik mengikut kreativiti tersendiri.

"Malah, sisa makanan juga boleh digunakan semula sebagai baja kompos selain minyak masak dijadikan lilin dan ini menunjukkan semua sampah sebenarnya masih boleh digunakan daripada dibuang," katanya ketika ditemui di Pusat Informasi Projek dan Jualan Eko Produk Komuniti Pangkor di Jati Pangkor, di sini semalam.

Asiah berkata, dia mula menghasilkan kraftangan daripada sumber terpakai sejak hampir tiga tahun lalu dan sebelum ini tidak terfikir barangan sedia ada di rumah boleh dijadikan produk hiasan atau cenderamata yang boleh dijual.

"Saya bersama dua rakan lain dari Kampung Teluk Gedong, di sini serta beberapa kumpulan dari kampung lain yang menghasilkan produk kraftangan dengan bantuan Global Environment Centre

(GEC) yang mengetengahkan produk berkenaan.

"Antara produk yang dihasilkan adalah aksesori seperti gelang dan rantai, bunga, bingkai gambar, tirai pintu, hiasan dinding dan pasu yang dihasilkan daripada pelbagai sumber seperti kulit siput, botol, plastik, kotak telur dan majalah," katanya.

Menurutnya, pendekatan kreatif itu mampu menjana pendapatan sampingan penduduk setempat terutama suri rumah dengan produk yang dihasilkan kerana ia tidak sukar dilakukan.

"Setakat ini sambutan diterima menggalakkan dan berharap ia lebih dikenali ramai dan lebih banyak pihak membantu mengembangkan usaha ini supaya ia dapat menjadi identiti Pulau Pangkor," katanya yang turut membantu suaminya menangkap hasil laut dan mengusahakan ni kuning. Sementara itu, Pegawai

Projek GEC Anis Syazwani Ismail berkata, usaha itu antara aktiviti dalam projek Pengurusan Sisa Pepejal Pulau Pangkor Melalui Penglibatan Komuniti dengan kerjasama Jabatan Pengaliran dan Saliran Perak, Universiti Queensland dan VALE Malaysia Minerals Sdn Bhd.

Menurutnya, selain Kampung Teluk Gedong komponen kraftangan turut membabitkan kumpulan dari Kampung Teluk Raja Bayang dan projek itu turut membabitkan Kampung Pasir Bogak (ujian kualiti air) dan Kampung Teluk Dalam (baja kompos).

"Mereka ini digelar 'Island Ranger' yang didedahkan dengan pengurusan sumber alam semula jadi, pengurusan bahan buangan dan juga pemantauan sungai serta persisiran laut.

"Inisiatif ini adalah langkah untuk menggalakkan aktiviti kitar semula dan mengurangkan sampah selain pembersihan pantai yang secara tidak langsung dapat membantu menjana pendapatan komuniti setempat," katanya.

**FAKTA**  
barangan terbuang yang digunakan untuk kitar semula seperti majalah, surat khabar, plastik dan botol